

10 MAY 2002

Mahathir-Megat Junid

MEGAT JUNID DILANTIK KETUA PENERANGAN UMNO YANG BARU

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Bekas anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Tan Sri Megat Junid Megat Ayob hari ini dilantik ketua penerangan Umno berkuatkuasa serta merta.

Pelantikan Megat Junid bagi menggantikan Datuk Mustapa Mohamed yang melepaskan jawatan itu seperti yang diumumkan pada 12 April lepas, kata Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatan itu dikosongkan oleh Mustapa yang mahu memberi tumpuan kepada tugasnya sebagai pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Ditanya mengenai kualiti yang ada pada Megat Junid bagi memegang jawatan berkenaan, Dr Mahathir berkata pemilihan dibuat berdasarkan kebolehan beliau bercakap, bersesuaian dengan peranannya kelak sebagai ketua penerangan.

"Yang pertama beliau pandai bercakap, kalau tak boleh bercakap tak jadi ketua penerangan. Lagipun dia orang lama Umno," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Megat Junid, 60, memulakan kerjayanya di dalam politik pada tahun 1972 dengan menyandang jawatan Ketua Pemuda Umno cawangan Jalan Pegawai, Alor Setar.

Beliau bertanding kerusi Parlimen Pasir Salak pada pilihan raya umum 1986 dan pertama kali dipilih menjadi anggota MT pada 1987 dan terus mengekalkannya sehingga tahun 2000.

Jawatan terakhir yang dipegang beliau dalam kerajaan ialah sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.

-- BERNAMA

WNZ HS MAD RON